in the case where the qualifying exploration expenditure exceeds the amount of gross income of petroleum operations or the gross income in respect of a petroleum operation of the second-mentioned chargeable person, the excess of the expenditure shall be allowed to be deducted from the gross income of that petroleum operations for the subsequent years of assessment of the second-mentioned chargeable person and any excess thereof shall not be used by another chargeable person in another petroleum agreement where the original parties to the petroleum agreement are the same.”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

44. (1) Seksyen 45, 46, 47 dan 48 berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Seksyen 49 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Pindaan seksyen 14

45. Seksyen 14 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud subseksyen (5), “cukai yang kena dibayar” ertinya jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai tetapi tidak termasuk kerugian yang boleh dibenarkan yang disebut di bawah subseksyen 7(4).”.

Pindaan seksyen 15

46. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Bagi maksud subseksyen (4), “cukai yang kena dibayar” ertinya jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai tetapi tidak termasuk apa-apa kerugian yang boleh dibenarkan yang disebut di bawah subseksyen 7(4).”.

Pindaan seksyen 29

47. Seksyen 29 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud subseksyen (3), “cukai yang kena dibayar” ertinya jumlah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai tetapi tidak termasuk apa-apa kerugian yang boleh dibenarkan yang disebut di bawah subseksyen 7(4).”.

Pindaan Jadual 1

48. Subsubperenggan 5(4)(b) Jadual 1 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lebih daripada lima puluh” dengan perkataan “tidak kurang daripada dua puluh.”.

Pindaan Jadual 5

49. Jadual 5 Akta ibu dipinda—

(a) dalam Bahagian I, dalam ruang “Kategori pelupusan”—

- (i) dalam butiran no. 1, dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”;
- (ii) dalam butiran no. 2, dengan menggantikan perkataan “ketiga” dengan perkataan “keempat”;
- (iii) dalam butiran no. 3, dengan menggantikan perkataan “keempat” dengan perkataan “kelima”; dan
- (iv) dalam butiran no. 4, dengan menggantikan perkataan “kelima” dengan perkataan “keenam”;

(b) dalam Bahagian I, dalam ruang “Kadar cukai” dalam butiran no. 4, dengan menggantikan perkataan “5 peratus” dengan perkataan “Tiada”; dan

(c) dalam Bahagian II, dalam ruang “Kategori pelupusan”—

- (i) dalam butiran no. 1, dengan menggantikan perkataan “dua” dengan perkataan “tiga”;
- (ii) dalam butiran no. 2, dengan menggantikan perkataan “ketiga” dengan perkataan “keempat”;
- (iii) dalam butiran no. 3, dengan menggantikan perkataan “keempat” dengan perkataan “kelima”; dan
- (iv) dalam butiran no. 4, dengan menggantikan perkataan “kelima” dengan perkataan “keenam”.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN
LABUAN 1990

**Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti
Perniagaan Labuan 1990**

50. Seksyen 51 dan 52 berkuat kuasa apabila mula berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan seksyen 21

51. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

21. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan secara am bagi maksud menjalankan, atau menguatkuasakan, peruntukan Akta ini.”.

Seksyen baru 21A

52. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“Borang

21A. Ketua Pengarah boleh menetapkan borang sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan dan borang yang lain yang difikirkannya patut untuk ditetapkan berkaitan dengan perjalanan Akta ini, dengan cara yang difikirkannya sesuai dan boleh membenarkan penggunaan suatu borang gantian yang sesuai bagi mana-mana borang yang ditetapkan.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”) dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 (“Akta 445”).

Diambil maklum bahawa apa-apa sebutan dalam Akta 53 dan Akta 378 mengenai “Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372]” atau “Akta Insurans 1996 [Akta 553]” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758]” menurut kuasa perenggan 272(h) Akta 758 dan apa-apa sebutan mengenai “Akta Bank Islam 1983 [Akta 276]” atau “Akta Takaful 1984 [Akta 312]” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]” menurut kuasa perenggan 283(h) Akta 759.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 53 untuk memasukkan tiga takrif baru iaitu “deferred annuity”, “permanent total disablement” dan “serious disease” ke dalam Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 6(1)(l) Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

2. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4c ke dalam Akta 53 untuk menjelaskan bahawa apa-apa amaun yang boleh diterima oleh seseorang daripada pelupusan stok perdagangannya oleh apa-apa elemen paksaan seperti pengambilan wajib atau jualan paksa dianggap sebagai laba atau keuntungan daripada suatu perniagaan.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(l) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa cukai pendapatan dikenakan ke atas keseluruhan amaun pengeluaran daripada skim persaraan swasta atau anuiti tertanggung oleh individu sebelum mencapai umur lima puluh lima tahun kecuali atas sebab hilang upaya langsung yang kekal, penyakit serius, hilang upaya mental, kematian atau meninggalkan Malaysia secara kekal.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda takrif “entertainment” di bawah seksyen 18 Akta 53 untuk menjelaskan bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh seseorang bagi maksud mempromosi perniagaannya dengan atau tanpa balasan jatuh dalam takrif “entertainment”.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 21A(3) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa berhubung dengan apa-apa perubahan tempoh perakaunan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi dalam tempoh asas bagi satu tahun taksiran, Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengarahkan tempoh asas suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi.

Fasal 8 selanjutnya bertujuan untuk meminda subseksyen 21A(4) Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa jika suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi memulakan operasinya dalam tempoh asas bagi satu tahun taksiran dan menyediakan akaun bagi tempoh kurang dari dua belas bulan berakhir pada hari sebaik selepas tahun taksiran yang berikutnya atau bagi suatu tempoh yang lebih dari dua belas bulan yang berakhir pada hari dalam tahun asas sebaik selepas tahun asas yang kedua, tempoh itu masing-masing hendaklah menjadi tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 24(1) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 4c dan kemasukan perenggan baru 24(1)(aa) ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan menjelaskan bahawa jika hutang yang terhutang kepada seseorang dalam tempoh relevan daripada mana-mana stok perdagangannya yang dilupuskan oleh apa-apa elemen paksaan yang termasuk pengambilan wajib atau jualan paksa, amaun hutang yang terhutang itu dianggap sebagai pendapatan kasar orang itu daripada perniagaan dalam tempoh relevan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

7. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 29(3) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan ini, seseorang itu disifatkan berupaya untuk mendapatkan atas permintaan penerimaan faedah daripada transaksi pinjaman yang melibatkan orang yang salah seorang mempunyai kawalan ke atas yang lain atau antara orang yang keduanya dikawal oleh orang yang sama, dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran jika faedah itu kena dibayar oleh orang itu dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 33(4) ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menjelaskan bahawa seseorang hanya layak untuk menuntut potongan berkenaan dengan faedah daripada wang yang dipinjam apabila faedah itu kena dibayar. Walau bagaimanapun, potongan itu akan diberi dalam tahun faedah itu kena dibayar.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 39(1A) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan ini, setiap orang dikehendaki untuk mengemukakan maklumat seperti yang diminta oleh Ketua Pengarah bagi menyokong tuntutan potongan orang itu dalam mengira pendapatan larasannya. Notis dikeluarkan oleh Ketua Pengarah mengikut seksyen 81 Akta 53 dan potongan yang dituntut oleh orang itu tidak akan dibenarkan jika orang itu gagal mengemukakan maklumat yang diminta dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis atau tempoh lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subseksyen 44(7) Akta 53 untuk memperluas pemakaian subseksyen 44(6) Akta 53 kepada orang bagi apa-apa sumbangan wang tunai yang dibuat kepada organisasi yang ditubuhkan dan disenggarakan secara khusus untuk mengurus dan menambah tabung yang ditubuhkan dan dipegang hanya bagi pembelian dan kegunaan bangunan di Malaysia bagi maksud upacara keagamaan atau penyebaran agama dan bangunan tersebut juga terbuka kepada orang ramai.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk memotong takrif “serious disease” dalam subseksyen 46(2) Akta 53 berbangkit daripada kemasukan takrif itu dalam seksyen 2 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

12. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan subsubperenggan 60AA(5)(b)(viii) dan (7)(b)(viii) ke dalam Akta 53 untuk menjelaskan bahawa perbelanjaan pengurusan yang dilakukan oleh perniagaan am takaful dibenarkan untuk dipotong dalam mengira pendapatan larasan perniagaan am takaful itu supaya konsisten dengan layanan yang diamalkan oleh perniagaan insurans konvensional.

Fasal 16 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subsubperenggan 60AA(9)(b)(iv) dan (10)(b)(iv) ke dalam Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa komisyen yang kena dibayar dan diskaun yang dibenarkan oleh pengendali berkaitan dengan perniagaan am dibenarkan sebagai potongan dalam mengira pendapatan larasan pengendali itu.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

13. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda perenggan 75A(2)(b) Akta 53. Dengan pindaan ini, mana-mana pengarah dan seseorang lain yang berkepentingan dalam pengurusan perniagaan syarikat dan, sama ada secara sendiri atau dengan satu atau lebih sekutu dalam maksud seksyen 139(7) Akta 53, adalah pemilik atau boleh secara langsung melalui medium syarikat lain atau melalui apa-apa cara tidak langsung yang lain mengawal, tidak kurang daripada dua puluh peratus modal syer biasa syarikat hendaklah bersesama dan berasingan bertanggungjawab untuk bayaran cukai semasa tempoh yang cukai itu menjadi tanggungan kena dibayar oleh syarikat itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

14. *Fasal 21* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 77A(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa suatu syarikat hendaklah mengemukakan penyataanya secara medium elektronik atau penghantaran elektronik.

Fasal 21 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 77A(4) ke dalam Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa suatu syarikat mesti mengemukakan penyataanya berdasarkan akaun beraudit yang disediakan oleh akauntan profesional.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

15. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 77C ke dalam Akta 53. Dengan pindaan baru ini, seorang individu yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen itu yang antara lain termasuklah individu itu hanya mempunyai pendapatan penggajian selain laba atau keuntungan berhubung dengan penggunaan atau penikmatan faedah yang disediakan oleh majikannya dalam tahun asas bagi suatu tahun taksiran dan pendapatan pengajiannya dipotong mengikut subseksyen 107(2) Akta 53 tidaklah dikehendaki untuk mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen 77 Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

16. *Fasal 23* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 99(4) ke dalam Akta 53 untuk menjelaskan bahawa rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan secara memberi notis yang ditetapkan di bawah Akta 53 kepada Ketua Pengarah tidak terpakai bagi taksiran yang disifatkan yang dibuat di bawah subseksyen 90(1) atau seksyen 91A Akta 53. Walau bagaimanapun, jika seseorang terkilan dengan taksiran yang disifatkan yang dibuat di bawah seksyen itu akibat daripada mematuhi ketetapan umum yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah mengikut Akta 53, orang itu boleh menggunakan prosedur rayuan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 99.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

17. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 102(1A) ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa rayuan yang difailkan oleh seseorang di bawah seksyen 99 Akta 53 tidak akan dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam kes yang orang itu menggunakan prosedur perjanjian bersama sebagaimana diperuntukkan di bawah perjanjian pengelakan pencukaian dua kali untuk menyelesaikan perkara rayuan yang sama sebagaimana rayuan di bawah seksyen 99. Rayuan di bawah seksyen 99 hanya dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan apabila prosedur perjanjian bersama dimuktamadkan dan atas permohonan yang dibuat oleh orang itu dalam tempoh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen baru itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

18. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 107C(4A)(c) ke dalam Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 21A Akta 53. Dengan pindaan ini, syarikat tidak perlu mengemukakan anggaran di bawah seksyen 107C dalam tempoh yang syarikat itu tidak mempunyai tempoh asas dalam suatu tahun taksiran dalam tahun syarikat itu memulakan operasinya dan dua tahun taksiran berikutnya, sekiranya syarikat itu pada masa memulakan dan permulaan tempoh tahun-tahun taksiran itu syarikat itu mempunyai modal berbayar berkenaan syer biasanya sebanyak dua juta lima ratus ribu dan kurang.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

19. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda subseksyen 109E(1) Akta 53. Dengan pindaan ini, pengendali takaful dikehendaki untuk memotong cukai bagi keuntungan yang diagihkan atau dikredit daripada dana keluarga, dana takaful semula atau dana am untuk peserta sekiranya pengendali itu telah menuntut keuntungan yang diagihkan sebagai potongan di bawah seksyen 60AA Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

20. *Fasal 27* bertujuan untuk meminda subseksyen 109G Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 6(1)(l) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

21. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 132B ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa sekiranya Menteri melalui perintah berkanun mengisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia dengan tujuan untuk bantuan pentadbiran bersama dalam perkara percukaian, yang antara lain termasuk pertukaran maklumat secara automatik, perkiraan tersebut selagi mana perintah itu kekal berkuat kuasa akan mempunyai kesan berhubung dengan cukai di bawah Akta 53 atau cukai lain pada setiap jenis di bawah undang-undang bertulis.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

22. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 140(2A) ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen 140 Akta 53 untuk menghendaki pembayar meremit cukai pegangan yang dipotong di bawah Akta 53 dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

23. *Fasal 30* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 140B ke dalam Akta 53. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apabila suatu syarikat memberi apa-apa pinjaman atau pendahuluan daripada dana dalamannya kepada pengarah syarikat itu, syarikat itu disifatkan bagi tempoh asas itu mempunyai pendapatan faedah daripada pinjaman atau

pendahuluan itu. Jumlah faedah dikira berdasarkan formula yang diperuntukkan di bawah seksyen itu dan kadar faedah adalah berdasarkan kepada kadar pinjaman purata bank komersial yang disiarkan oleh Bank Negara Malaysia atau jika tiada kadar pinjaman purata itu, kadar pinjaman yang lain yang boleh ditetapkan oleh Ketua Pengarah di penghujung bulan kalendar atau kadar pinjaman rujukan yang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. Seksyen ini tidaklah terpakai bagi faedah yang dikenakan oleh syarikat yang melebihi jumlah keseluruhan faedah yang disifatkan di bawah subseksyen 140B(2) Akta.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

24. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda Bahagian XVI Jadual 1 berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 6(1)(l) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

25. *Fasal 32* bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 38B ke dalam Jadual 3 Akta 53. Ia menjelaskan jika suatu perkongsian atau syarikat ditukar kepada perkongsian liabiliti terhad menurut seksyen 29 atau 30 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*] dan melupuskan suatu aset kepada perkongsian liabiliti terhad itu, peruntukan bagi perenggan 39 dan 40 Jadual 3 adalah terpakai bagi aset itu.

Fasal 32 selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 40 Jadual 3 Akta 53 berbangkit daripada kemasukan perenggan 38B ke dalam Akta 53.

Fasal 32 juga bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 76A ke dalam Jadual 3 Akta 53. Pindaan ini memperuntukkan bahawa jika suatu perkongsian atau syarikat ditukar kepada perkongsian liabiliti terhad menurut seksyen 29 atau 30 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dalam tahun taksiran itu, perkongsian liabiliti terhad itu tidak dibenarkan menuntut elaun bagi tahun taksiran yang berhubungan dengan aset itu yang dipindahkan bagi tahun taksiran itu sekiranya pekongsi atau syarikat itu telah menuntut elaun di bawah perenggan 77 Jadual itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Bab ini berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

26. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(7) Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa orang yang dibenarkan oleh Pemungut Duti Setem untuk mengkompaun duti atas instrumen tertentu mesti menyimpan rekod berkaitan dengan instrumen yang dikeluarkan itu bagi tempoh tujuh tahun bagi maksud pemeriksaan oleh Pemungut.

27. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda subseksyen 47A(2) Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa Pemungut boleh mengurang atau meremit apa-apa amaun selanjutnya yang kena bayar di bawah subseksyen 9(3) Akta.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

28. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda takrif “entertainment” di bawah seksyen 2 Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang dilakukan oleh seseorang bagi maksud mempromosi perniagaannya dengan atau tanpa balasan jatuh di bawah takrif “entertainment”.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

29. *Fasal 38* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 543. Dengan pindaan ini, borang nyata yang dikemukakan oleh orang yang boleh dikenakan cukai mesti berdasarkan akaun beraudit yang disediakan oleh akauntan professional.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

30. *Fasal 39* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 46(1A) ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa rayuan yang difailkan oleh orang yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 46 Akta 543 tidak akan dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam kes yang orang itu menggunakan prosedur perjanjian bersama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perkiraan pengelakan pencukaian dua kali untuk menyelesaikan perkara rayuan yang sama sebagaimana dalam rayuan di bawah seksyen 46 Akta. Rayuan di bawah seksyen 46 Akta hanya dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan apabila prosedur perjanjian bersama dimuktamadkan dan atas permohonan yang dibuat oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam tempoh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen baru itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

31. *Fasal 40* bertujuan untuk memasukkan Bab baru 1A dan seksyen baru 71A ke dalam Akta 543. Dengan pindaan yang dicadangkan, orang yang boleh dikenakan cukai boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk perkiraan penentuan harga awal. Dalam hal yang melibatkan perkiraan pencukaian dua kali di bawah seksyen 65A Akta 543, orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon supaya perkiraan penentuan harga awal dimasukkan oleh pihak berkuasa berwibawa kedua-dua Kerajaan. Permohonan itu hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan tertakluk kepada mana-mana kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Akta 543.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

32. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 72A Akta 543 dengan memasukkan subseksyen baru 72A(7) ke dalam Akta. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk menjelaskan bahawa pihak kepada suatu perjanjian petroleum hendaklah menjadi orang yang boleh dikenakan cukai bagi maksud menentukan transaksi harga pindahan dan permodalan tipis.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

33. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda subseksyen 83(1) Akta 543 dengan memasukkan perenggan baru 83(1)(bb) ke dalam Akta. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan skop dan prosedur perkiraan harga awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

34. *Fasal 43* bertujuan untuk meminda proviso kepada subperenggan 3A(1) Jadual Pertama Akta 543 untuk menjelaskan bahawa hanya perbelanjaan eksplorasi yang layak yang dilakukan oleh orang yang boleh dikenakan cukai di bawah suatu perjanjian petroleum dari suatu kawasan perjanjian yang petroleum yang boleh dikenakan cukai tidak dikeluarkan boleh dipotong daripada pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai yang lain dalam suatu perjanjian petroleum yang lain jika pihak asal kepada perjanjian petroleum adalah sama.

Fasal 43 selanjutnya bertujuan untuk meminda subperenggan 3A(2) Akta untuk memperuntukkan bahawa sekiranya perbelanjaan eksplorasi yang layak melebihi pendapatan kasar orang lain yang boleh dikenakan cukai, lebihan perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan untuk dipotong daripada pendapatan kasar orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

Pindaan ini berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

35. *Fasal 45, 46 dan 47* bertujuan untuk meminda subseksyen 14(5), 15(4) dan seksyen 29 Akta 169 untuk menjelaskan bahawa bayaran atau penalti yang kena dibuat di bawah subseksyen itu hendaklah dikira atas amaun cukai yang kena dibayar sebelum apa-apa potongan kerugian yang boleh dibenarkan.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

36. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda subsubperenggan 5(4)(b) Jadual 1 kepada Akta 169. Dengan pindaan ini, mana-mana pengarah dan seseorang lain yang berkepentingan dalam pengurusan perniagaan syarikat dan, sama ada secara sendiri atau dengan satu atau lebih bersekutu dalam maksud subperenggan 5(5) Jadual 1 Akta 169, adalah pemilik atau boleh secara langsung melalui medium syarikat lain atau melalui apa-apa cara tidak langsung yang lain mengawal, tidak kurang daripada dua puluh peratus modal syer biasa syarikat hendaklah berse sama dan berasingan bertanggung untuk bayaran cukai semasa tempoh yang cukai itu menjadi tanggungan kena dibayar oleh syarikat itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

37. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda Bahagian I dan Bahagian II Jadual 5 Akta 169 untuk memperuntukkan kategori pelupusan dan kadar cukai yang baru bagi pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai yang dibuat oleh individu warganegara dan pemastautin tetap Malaysia dan suatu syarikat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab ini berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

38. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 445 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 21A ke dalam Akta 445.

39. *Fasal 52* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 21A ke dalam Akta 445. Dengan pindaan yang dicadangkan, Ketua Pengarah boleh menetapkan suatu borang sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta dan membenarkan penggunaan mana-mana gantian yang sesuai bagi borang yang ditetapkan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2901]